

KUALA LUMPUR, 21 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERIKAN SATU PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BARU KEPADA UMNO -- MEMUPUK SEMANGAT DAN JIWA BERANI DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU UNTUK MENGHADAPI CABARAN.

SAMBIL MEMETIK PEPEK CHINA +PERJALANAN SERIBU BATU ITU BERMULA DENGAN LANGKAH PERTAMA+, PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH PERTAMA ITULAH YANG PERLU DIPUPUK OLEH ORANG-ORANG MELAYU UNTUK MARA KE DEPAN.

MENJAWAB PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG BERAKHIR DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA ORANG-ORANG MELAYU PERLU MENGIKISKAN PERASAAN RENDAH DIRI JIKA TIDAK MAHU TERUS KETINGGALAN.

BELIAU BERKATA CAKAP-CAKAP DARI PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO YANG MENGATAKAN ORANG-ORANG MELAYU MASIH BELUM MAMPU UNTUK MENGHADAPI CABARAN-CABARAN UPAKANYA DARI PERLAKSANAAN PROJEK INDUSTRI BERAT HANYA MENINGGALKANNYA KEPADA ZAMAN LAMPAU.

EMPAT PULUH ATAU LIMA PULUH TAHUN LALU ORANG MELAYU BERKATA MEMANDU KAPALTERDBANG BUKAN UNTUK ORANG-ORANG MELAYU DAN HANYA UNTUK ORANG PUTIH. KINI KEADAAN SUDAH BERUBAH. +

-- LAGI 2006/AZ

MAHATHIR-PERANAN 2 KUALA LUMPUR

+BEGITU JUGA KEADAANNYA BILA KITA MULA-MULA HENDAK MENUBUHKAN UNIVERSITI PERTAMA DI NEGARA INI. ORANG-ORANG MELAYU MENGATAKAN MAMA ADA ANAK-ANAK MELAYU UNTUK MEMASUKINYA. +

+APABILA UNIVERSITI ITU DITUBUHKAN KITA BERMULA DENGAN 20 PERATUS PELAJAR BUMIPUTERA TETAPI KINI PURATA 65 PERATUS PELAJAR UNIVERSITI ADALAH ANAK-ANAK MELAYU, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI MEMBUKTIKAN ORANG-ORANG MELAYU MEMANG MEMPUNYAI KEMAMPUAN DAN KEMAMPUAN UNTUK MENGHADAPI APA JUA CABARAN TETAPI YANG KEKURANGAN JALAH SEMANGAT UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

+OLEH ITU ADALAH MENJADI TUGAS KITA SEMUA DALAM UMNO UNTUK MEMUPUK SEMANGAT INI DI KALANGAN DIRI KITA, ANAK-ANAK KITA DAN ORANG-ORANG KITA, + TEGASNYA.

PERDANA MENTERI KENEGASKAN KEMAMPUAN DAN KEMAMPUAN ORANG MELAYU AKAN TINDUL APABILA IA MEMPUNYAI SEMANGAT UNTUK MELAKUKAN SESUATU.

ORANG MELAYU TIDAK MEMPUNYAI MASA UNTUK MENUNGGU UNTUK BERBUAT SESUATU DAN KITA PERLU BERTINDAK DARI SEKARANG. -- LAGI

MAHATHIR-PERANAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAGAI ORANG MELAYU BELIAU MEMPUNYAI CITA-CITA YANG BESAR UNTUK +KAUM SEBANGSA, SEAGAMA DAN SENEGARA DENGAN SAYA. +

+SAYA TIDAK GENTAR DENGAN SESIAPA DAN DARI MANA IA DATANG. SEBAG ITU KITA TIDAK TUNDUK KEPADA SESIAPA. KALAU PIHAK BRITISH NAK BERKERAS PUN KITA TURUT BERKERAS, + KATANYA DISAMBU DENGAN TEPUKAN GEMURUH PARA PERWAKILAN.

+TETAPI JIKA MEREKA BERLEMBUT KITA PUN BERLEMBUT, + TAMBAHNYA. +BIKAP TAK SANGGUP MENGAKU KALAH, SIKAP BERANI MENDAKI GUNUNG, INILAH SIKAP YANG DIKEHENDAKI. INILAH PERJUANGAN YANG KITA MAHU SEKARANG, + TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI KEMERANGKAN INILAH SEBABNYA KERAJAAN MENGUTARAKAN BERBAGAI-BAGAI KONSEP BARU YANG BERTUJUAN MENJADIKAN BANGSA MELAYU BANGSA YANG MAJU DAN DISEGANI.

KONSEP-KONSEP INI, KATA NYA, BUKAN BERTUJUAN MENCARI POPULARITI TETAPI UNTUK MENGGERAKAN ORANG MELAYU MEMBUAT LANGKAH PERTAMA ITU. -- BERNAMA 2006/OM